



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA

03-8870 4426
ukk@dof.gov.my
<http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (15)

SIARAN MEDIA

PESTA MENANGKAP IKAN ESTET PAYA CHEMPAKA MERIAHKAN KOMUNITI SETEMPAT

LANCHANG, 1 Jun 2025 – Jabatan Perikanan Negeri Pahang hari ini telah menganjurkan Pesta Menangkap Ikan di Estet Ikan Paya Chempaka, Kampung Chempaka, Lanchang, Temerloh, Pahang. Program komuniti ini bertujuan memperkasakan peranan komuniti setempat dalam usaha pemuliharaan dan pembangunan sumber perikanan darat secara mampan dan terkawal.

Majlis telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Perikanan, YBhg. Dato' Haji Adnan bin Hussain yang turut merasmikan pelepasan 500 peserta bagi pertandingan menangkap ikan secara tradisional.

Estet Ikan Paya Chempaka merupakan salah satu daripada tujuh estet ikan di Negeri Pahang yang dibangunkan sejak tahun 1980-an menerusi kerjasama Jabatan Perikanan bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta Jawatankuasa Estet. Inisiatif ini menghidupkan semula kawasan paya terbiar sebagai sumber ekonomi luar bandar melalui kaedah akuakultur berasaskan komuniti.

“Program seperti ini bukan sahaja menghidupkan kembali aktiviti menangkap ikan secara tradisional, malah membuktikan bahawa agro pelancongan berkaitan perikanan darat dapat dimajukan secara lestari dengan penglibatan aktif komuniti. Estet Ikan Paya Chempaka adalah contoh kejayaan kerjasama antara agensi dan rakyat dalam memanfaatkan aktiviti akuakultur sebagai pemacu ekonomi luar bandar,” kata YBhg. Dato' Haji Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

Pesta ini turut diserikan dengan aktiviti sampingan seperti pertandingan ikan terberat dan demonstrasi memasak ikan air tawar. Pelbagai spesies ikan seperti patin, kelah, lampam dan puyu terdapat di estet ini hasil pelepasan berperingkat benih ikan oleh Jabatan Perikanan sejak tahun 2023.

Penyertaan pertandingan dihadkan kepada peserta berdaftar dengan yuran minimum sebagai komitmen penyertaan, manakala hanya peralatan tradisional seperti jala, serkap dan sauk dibenarkan bagi memastikan aktiviti dilaksanakan secara lestari dan terkawal.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



ACB QMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

Majlis hari ini turut menyaksikan penyerahan bantuan Geran Pemadanan Program Pembangunan Integrasi Akuakultur (PPIA) berjumlah keseluruhan RM1.7 juta kepada empat kluster akuakultur di Temerloh, iaitu Kluster Arusan Pangsenam, Kampung Peragap, Kuala Kerdau dan Kampung Pasir Mandi. Selain itu, sebanyak RM138,000 turut disalurkan sebagai bantuan Elaun Sara Hidup kepada 46 orang nelayan darat di Daerah Temerloh bagi tahun 2025.

Estet Ikan Paya Chempaka juga menerima pelbagai bantuan di bawah Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan Pengembangan (SPeKS) termasuk sangkar, bot, benih ikan, makanan ikan dan infrastruktur asas dengan nilai keseluruhan sebanyak RM100,000. Rekod yang dicatatkan semasa penganjuran pesta menjala pada Julai 2022 menunjukkan hasil pendaratan ikan sebanyak 16.62 tan metrik dengan anggaran nilai pasaran mencecah RM91,000.

Melalui penguatkuasaan Kaedah-Kaedah Perikanan (Perairan Sungai) Pahang 1991, Jabatan Perikanan Malaysia terus komited dalam memastikan sumber perikanan darat negara kekal terpelihara daripada ancaman aktiviti haram seperti penggunaan racun, renjatan elektrik dan pelepasan spesies ikan asing invasif ke perairan umum.

Pesta Menangkap Ikan ini diharap dapat mengukuhkan jaringan kerjasama antara agensi kerajaan dan komuniti tempatan serta meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan pemuliharaan sumber perikanan darat demi kelestarian sumber makanan negara.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my